

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN PADA MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA CANSELOR KUKUM DI KAMPUS KUKUM KUBANG GAJAH, ARAU PADA 3 NOVEMBER 2004 BERSAMAAN 20 RAMADHAN 1425 HIJRAH**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU KUKUM CANSELOR DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DI AMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KERJA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS BERBUKA PUASA DI KAMPUS KUKUM KUBANG GAJAH, ARAU INI. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN DULI TUANKU BERDUA KE MAJLIS INI AMAT BESAR ERTINYA BUAT KAMI SEMUA DI UNIVERSITI INI. KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU KAMI TADAHKAN.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI  
BESAR PERLIS DAN DATIN SERI,

YANG BERHORMAT TUAN HAJI SULAIMAN SHAFIE, SPEAKER DEWAN  
UNDANGAN NEGERI PERLIS DAN ISTERI

YANG BERHORMAT TUAN HAJI ABU HASSAN SALLEH, SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN ISTERI,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DIF-DIF KEHORMAT,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

DAN WARGA KERJA KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH  
KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN, KASIH DAN SAYANG –NYA  
MENGIZINKAN KITA SEMUA HAMBA-NYA DAPAT BERSAMA-SAMA DI  
MALAM KE 21 RAMADHAN INI UNTUK BERKUMPUL, BERBUKA DAN  
SETERUSNYA BERIBADAH BERJAMAAH DI BULAN PENUH GANJARAN DAN  
KENIKMATAN INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN YANG AMAT BERHORMAT, MENTERI BESAR PERLIS, DATO SERI SHAHIDAN BIN KASSIM DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI, DIF-DIF KEHORMAT, PARA TETAMU JEMPUTAN YANG TELAH SUDI MELAPANGKAN DIRI, MELUANGKAN SEDIKIT MASA UNTUK HADIR KE MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA CANSELOR KUKUM, DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL DAN DYTM TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH INI. KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA SUDAH PASTI MENGUNTUM BAHGIA, MENAMBAH SERI MAJLIS KAMI DI MALAM INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA CANSELOR INI KERANA DI DALAM MENGHARUNGI IBADAH PUASA ANDA SEMUA TETAP MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TINGGI DALAM MENYATU IDEA, MENYEMPURNA KERJA, MENZAHIR UPACARA MEMASTIKAN PROGRAM INI TERLAKSANA DENGAN PENUH TERTIB DAN JAYANYA.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA TUANKU CANSELOR INI ADALAH SEBAHAGIAN DARI AKTIVITI YANG TELAH DIRANCANG BAGI SAMBUTAN RAMADHAN PERINGKAT KUKUM 1425 HIJRAH. IA JUGA ADALAH ACARA TAHUNAN YANG SUDAH TERMAKTUB DI DALAM TAKWIM UNIVERSITI INI. ADALAH MENJADI HARAPAN KAMI, MAJLIS SEUMPAMA INI DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KUKUM DENGAN WARGA LUAR DALAM MENJALIN SEBUAH IKATAN PERSAUDARAAN UKHUWAH ISLAMIYAH, SELAIN MEMBERI PELUANG WARGA KERJA KUKUM BERAMAH MESRA DENGAN TUANKU CANSELOR, TUANKU SYED FAIZUDDIN YANG SEMEMANGNYA TERKENAL DENGAN SIKAP PERAMAH DAN RAJA YANG BERJIWA RAKYAT.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

RAMADHAN KEMBALI LAGI DENGAN JANJI-JANJI KEBAIKAN DAN HARAPAN DARIPADA ALLAH KEPADA PARA HAMBA-NYA YANG SENTIASA MENUNGGU KEHADIRAN BULAN MULIA YANG PENUH KEBERKATAN DAN KEMULIAAN INI. TIADA SIAPA DAPAT MENOLAK BETAPA BULAN RAHMAT INI MEMBAWA SATU PERASAAN DAN JIWA BARU BUAT MEREKA YANG MENAGIH RAHMAT ALLAH DI MUKA BUMI INI.

HAKIKAT RAMADHAN SEBAGAI HADIAH DARIPADA MAHA PENCIPTA ADALAH PEMBERIAN YANG PALING AGUNG DAN BERMAKNA SEHINGGA TERTEGAKNYA MENJADI SALAH SATU TIANG YANG MENGUATKAN DASAR AJARAN ISLAM. KEMERIAHAN BULAN INI TIDAK SEKADAR BERBEZA DARI BULAN-BULAN SEBELUMNYA, MALAH SIKAP DAN AMALAN SEHARIAN UMAT ISLAM SEDIKIT SEBANYAK MENDAPAT CORAK-CORAK BARU BAGI MENGHORMATI KEHADIRANNYA.

HIKMAH RAMADHAN SENTIASA DIGALI OLEH PARA PENGANUTNYA, APATAH LAGI AMALAN INI TURUT MENARIK PERHATIAN BUKAN ISLAM DAN JUGA PAKAR-PAKAR BIDANG KESIHATAN PEMAKANAN DAN PENGAMAL ILMU PSIKOLOGI. DARI MASA KE MASA, RAHSIA KEWAJIPAN BERPUASA PADA BULAN RAMADHAN DIHIMPUNKAN DAN DISEBARKAN AGAR UMAT ISLAM MAMPU MELAKSANAKANNYA DENGAN KEFAHAMAN DAN PENGETAHUAN DALAM MENGANGKAT AMALAN INI DI ATAS KEDUDUKAN YANG SEWAJARNYA.

IMAM SYAFIE MENYEBUT, SEORANG MUSLIM MENGETAHUI AMALAN PUASA RAMADHAN MERUPAKAN IBADAH YANG DIFARDUKAN OLEH ALLAH SEBAGAI IBADAH YANG PERLU DIPENUHI TUNTUTANNYA, SESUAI DENGAN TANGGUNG JAWAB INSAN SEBAGAI HAMBA KEPADA ALLAH TANPA MELIHAT NATIJAH YANG DIHASILKAN DARIPADA IBADAH PUASA. SEKIRANYA SEORANG HAMBA TELAH MELAKSANAKANNYA, TIDAK ADA

HALANGAN UNTUK MENGGALI MUTIARA HIKMAH DAN RAHSIA KETUHANAN YANG TERSEMBUNYI DI SEBALIK SUATU IBADAH SEBAGAIMANA PUASA RAMADHAN.

HIKMAH RAMADHAN ANTARANYA IALAH, MEMBERI KESEDARAN KEPADA HATI SEORANG MUKMIN TERHADAP MURAQABAH ALLAH AZZAWAJALLA. PADA WAKTU SIANG KITA MELALUINYA DENGAN MENAHAN DIRI DARIPADA LAPAR DAN DAHAGA, SUDAH PASTI WUJUD KEINGINAN TERHADAP MAKANAN DAN MINUMAN. TETAPI MENYEDARI TANGGUNG JAWAB MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH, MAKA PERTENTANGAN INI MEMBAWA KEPADA TINGKAT KESEDARAN HATI DAN PERASAAN TERHADAP KEAGUNGAN DAN KEKUASAAN ALLAH.

MALAH KESEDARAN SEBAGAI HAMBA TURUT TERBIT DENGAN RASA TUNDUK SERTA PATUH DENGAN KEWAJIPAN MEMENUHI PERINTAH INI. RAMADHAN DISIFATKAN SEBAGAI BULAN PALING MULIA DIBANDINGKAN DENGAN BULAN-BULAN SELAINNYA. DALAM TEMPOH INI, ALLAH MEMBUKA SELUAS-LUASNYA PINTU PELUANG DAN HARAPAN BAGI HAMBA-HAMBA-NYA MENINGKATKAN USAHA MENGGANDAKAN NILAI TAKWA DAN KETAATAN KEPADA-NYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MELALUI AMALAN BERPUASA, IA MENGAWAL SIFAT-SIFAT KERAS DAN MELAMPAU MANUSIA. MELAMPAU DAPAT DILIHAT DARI PELBAGAI SEGI MELIPUTI PERBUATAN DAN PEMIKIRAN. SESEORANG MUNGKIN AKAN MELETAKKAN SANGKA BURUK TERHADAP ORANG LAIN ATAU MUNGKIN MEMBELANJAKAN HARTA BENDANYA TANPA PERLU.

DALAM KEADAAN INI, SATU SITUASI YANG BERBEZA PERLU DILALUI OLEH MEREKA YANG INGIN MENGAWALNYA. MELALUI RAMADHAN IA

MENDORONG USAHA KE ARAH MEMPERHALUSI JIWA DAN PERASAAN AGAR LEBIH TENANG DAN POSITIF SELAGI ADA KEINGINAN MENGGUNAKAN PELUANG INI SEBAIKNYA PADA WAKTU ALLAH MEMBELENGGU SYAITAN-SYAITAN DARIPADA TERUS MEROSAKKAN KUALITI PUASA DAN AMALAN MULIA KETURUNAN ADAM A.S.

MASYARAKAT ISLAM MELETAKKAN PRINSIP KASIH SAYANG DAN SALING MENGASIHI ANTARA UMAT. NILAI-NILAI INI TIDAK AKAN BERLAKU TANPA ADANYA RASA EMPATI, IAITU MERASAKAN DAN MELALUI SITUASI TERSEBUT BERSAMA. AMAT SUKAR SI KAYA UNTUK MENGASIHI SI MISKIN TANPA MERASAI DERITA DAN KEPAYAHANNYA. BULAN RAMADHAN MENJADI TAPAK MEMBINA RASA EMPATI DAN SIMPATI YANG MEMBAWA KEPADA FAKTOR KASIH DALAM JIWA MANUSIA.

AL MAUDUDI MENYIFATKAN RAMADHAN SEBAGAI BULAN DENGAN PROSES PENDIDIKAN TERSENDIRI SELAMA 30 HARI UNTUK MENGANGKAT NILAI AKHLAK YANG TINGGI SEHINGGA LAH MENJADI MUSLIM YANG BENAR-BEANR SEMPURNA DAN SIFAT-SIFAT YANG TERBENTUK INI MENGEKALKAN IBADAT WAJIB UNTUK DITUNAIKAN OLEH SEORANG MUSLIM SEPANJANG HIDUPNYA.

RAMADHAN TURUT MENGANGKAT NILAI AMANAH DALAM DIRI MUSLIM. TANPA AMANAH, NEGARA AKAN HANCUR, AGAMA TERGADAI, MARUAH MUSNAH DAN MASYARAKAT TIDAK AKAN TENTERAM SAMA SEKALI. AMANAH MELALUI PUASA RAMADHAN DAPAT DILAHIRKAN KERANA SEORANG MUSLIM YANG BERPUASA SENTIASA MENJAGANYA DARIPADA TERBATAL.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, BERSEMPENA DENGAN RAMADHAN AL MUBARAK 1425 HIJRAH, KUKUM TELAH MERANCANG PELBAGAI AKTIVITI KEROHANIAN. JUSTERU ITU JAWATANKUASA RAMADHAN 1425 HIJRAH

PERINGKAT KUKUM YANG DIKETUAI OLEH USTAZ HASSAN HJ. ARSHAD, SELAKU PENYELARAS UNIT AGAMA ISLAM (UAI) KUKUM TELAH MERANGKA PELBAGAI AKTIVITI YANG DAPAT MEMPERTINGKATKAN KEIMANAN DAN KETAKWAAN WARGA UNIVERSITI INI.

AKTIVITI-AKTIVITI TERSEBUT TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA LIMA PERINGKAT IAITU 'AKTIVITI BERTERUSAN', 'AKTIVITI MINGGUAN', 'AKTIVITI KEROHANIAN', 'AKTIVITI MENJANA KEUPAYAAN UNTUK KEBAIKAN BERSAMA' DAN 'AKTIVITI KEBAJIKAN' YANG AKAN MEMBABITKAN SELURUH WARGA KUKUM TERMASUK MEREKA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM.

BAGI 'AKTIVITI BERTERUSAN' PROGRAM YANG AKAN DIJALANKAN SEPANJANG BULAN RAMADHAN IALAH 'PEMBAIKAN BACAAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN (KELAS MEMFASIHKAN SEBUTAN HURUF DAN BACAAN HUKUM)', 'PROGRAM MENJANA KEBAIKAN MELALUI KEBAJIKAN' DAN 'PROGRAM AL-DINU NASIHATUN IAITU AKTIVITI CERAMAH DAN SEDEKAH. UNTUK 'AKTIVITI MINGGUAN' PULA, JAWATANKUASA INI TELAH MERANCANG MENGADAKAN 'SOLAT JUMAAT DI TIGA BUAH MASJID TERPILIH SEKITAR NEGERI PERLIS', 'PENYEDIAAN BUBUR LAMBUK' DAN 'SOLAT TARAWIH'.

'AKTIVITI KEROHANIAN' PULA AKAN MEMBABITKAN CERAMAH SERTA FORUM SEPERTI 'FORUM KEFAHAMAN ISLAM YANG BERTAJUK: MASALAH-MASALAH KHILAFIAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: PERBEZAAN DAN PERSAMAAN ANTARA AHLI SUNNAH WAL JAMAAH PERLIS DAN SELAINNYA', 'CERAMAH AGAMA ISLAM BERTAJUK: ISLAM HADHARI DARI ASPEK MENGHINDARI GEJALA SOSIAL DI KAMPUS' SERTA BEBERAPA TAJUK LAIN SEPERTI KEKELUARGAAN DAN SEBAGAINYA.

‘AKTIVITI MENJANA KEUPAYAAN UNTUK KEBAIKAN BERSAMA’ PULA AKAN MEMFOKUSKAN KEPADA ‘PERADUAN MENCIPTA NASYID DAN PERTANDINGAN NASYID DI KALANGAN WARGA KERJA KUKUM’, ‘PERADUAN MENULIS ARTIKEL DAN ESEI YANG BERTAJUK: ISLAM HADHARI DARI PERSPEKTIF SAINS DAN TEKNOLOGI’ SERTA ‘TILAWAH AL-QURAN ANTARA JABATAN DAN PUSAT PENGAJIAN’.

UNTUK AKTIVITI KEBAJIKAN PULA, AKTIVITI YANG DIRANCANG IALAH ‘PERTANDINGAN PEMIDATO ANTARA KANAK-KANAK UMUR 10-12 TAHUN YANG AKAN MEMBABITKAN ANAK-ANAK WARGA KERJA KUKUM, DAN ‘PERTANDINGAN GUBAHAN DAN KUIH DI KALANGAN KAKITANGAN WANITA DAN ISTERI-ISTERI KAKITANGAN KUKUM’.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PARA TETAMU KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR MEMERIAHKAN LAGI MAJLIS KAMI PADA MALAM INI. SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA KECIL MAJLIS BERBUKA PUASA KERANA KESUNGGUHAN DAN DEDIKASI ANDA SEMUA DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN DAN KELANGSUNGAN PROGRAM PADA MALAM INI.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA, PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS BERBUKA PUASA INI. PATIK SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.



